

|        |                                                        |
|--------|--------------------------------------------------------|
| MINGGU | 28 (26 OGOS 2021)                                      |
| SUBJEK | PENDIDIKAN SAINS SOSIAL DAN ALAM SEKITAR (TINGKATAN 5) |
| NAMA   |                                                        |
| KELAS  | PK TINGKATAN 5 (PK T5)                                 |
| GURU   | PN. FADZLIZA BINTI CHIK TAK                            |

## UNIT 3: TUMBUHAN

### 3.1.1:

Nota : <https://www.youtube.com/watch?v=pB2A-HqNt08>


Arahan : Baca nota di bawah.

## 3.1 Tumbuhan dan Kepentinganannya

### 3.1.1 Hubungan antara tumbuhan dengan manusia

#### (a) Fungsi tumbuhan kepada manusia

Tumbuhan dan manusia saling bergantung antara satu sama lain bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem di muka bumi ini.



#### Sumber makanan

Tumbuhan menjadi sumber makanan kepada manusia bagi membekalkan tenaga. Manusia dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih cergas dan sihat.

#### Pakaian

Kebanyakan pakaian dihasilkan daripada tumbuhan yang merupakan keperluan asas manusia bagi melindungi diri daripada cuaca sejuk dan panas.



#### Tempat tinggal

Tempat tinggal ialah tempat manusia berteduh dan menjalani kehidupan harian mereka. Tumbuhan dijadikan salah satu sumber untuk membina sesebuah tempat tinggal.



Nyatakan dua fungsi lain tumbuhan kepada manusia.

## (b) Fungsi manusia kepada tumbuhan

Tumbuhan memerlukan manusia untuk pembiakan, pemeliharaan dan pemuliharaan serta penjagaannya.

### Pembiakan tumbuhan

Manusia membantu dalam proses pembiakan tumbuhan, iaitu dengan cara menyemai biji benih, menanam anak pokok, dan keratan batang atau daun. Tumbuhan membiak untuk menambah bilangan dan mengekalkan spesiesnya.



### Pemeliharaan dan pemuliharaan

Pelbagai cara boleh digunakan untuk memelihara dan memulihara tumbuhan. Antaranya, mewartakan hutan simpan, penanaman semula pokok, pengawalan aktiviti pembalakan, penguatkuasaan undang-undang, dan menubuhkan persatuan atau kelab alam sekitar.



### Penjagaan tumbuhan

Tumbuhan memerlukan penjagaan supaya dapat membesar dengan sihat dan menghasilkan tanaman yang banyak. Penjagaan tumbuhan terdiri daripada menyiram, merumput, menggembur tanah, membaja, mengawal serangga perosak dan lain-lain lagi.



#### Glosari

##### Pemuliharaan

Perihal seperti proses, usaha, perbuatan untuk memulihara sesuatu.

##### Pemeliharaan

Perbuatan atau hal memelihara, penjagaan atau pembelaan.



#### Carian Internet

Namakan tanaman yang pernah anda tanam di rumah atau di sekolah. Jelaskan cara anda menjaganya.

Dapatkan langkah-langkah lain pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuhan. Hasilkan dapatan anda dalam peta i-Think.

Latihan :

1. Padankan jawapan yang betul bagi hubungan antara tumbuhan dengan manusia.

Fungsi tumbuhan  
kepada manusia

Pemeliharaan dan pemuliharaan

Tempat tinggal

Sumber makanan

Pembiakan tumbuhan

Penjagaan tumbuhan

Pakaian

Fungsi manusia  
kepada  
tumbuhan